

### **Terma dan Syarat Gold Kad**

1. "Program Pindahan Baki 6.99% setahun sepanjang hayat" ("Program") ini terbuka kepada semua Pemegang Kad Kredit Gold MasterCard dan/atau Visa Utama Hong Leong ("Pemegang-pemegang Kad") yang baru dan sedia ada yang berumur 21 tahun ke atas dan merupakan Pemegang (-pemegang) Kad Utama bagi kad(-kad) kredit/caj yang dikeluarkan oleh institusi kewangan dan/atau syarikat kad kredit/caj Malaysia lain yang diberi lesen oleh Bank Negara Malaysia di mana urusan bilnya adalah dalam Ringgit Malaysia.
2. Pemohon(-pemohon) baru dikehendaki menghantar borang permohonan pindahan baki ("Borang Permohonan BT") yang telah dilengkapi bersama dengan borang permohonan kad kredit yang berkaitan. Pemegang(-pemegang) Kad sedia ada hanya perlu menghantarkan borang permohonan BT.
3. Program ini hanya terpakai untuk pindahan baki yang pertama ke akaun Pemegang Kad. Ianya tidak sah untuk Pemegang(-pemegang) Kad yang sedia ada yang sebelum ini telah membuat urusniaga pindahan baki.
4. HLB berhak untuk melulus dan menolak permohonan yang dihantar oleh Pemegang(-pemegang) Kad di bawah Program ini tanpa memberi sebarang alasan. Kelulusan permohonan tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh HLB atas budi bicara mutlaknyanya.
5. Amaun minima untuk pindahan baki ("BT") ialah RM 1,000.00 dan amaun maksima akan ditentukan oleh pihak HLB atas budi bicara mutlaknyanya.
6. HLB akan memberitahu Pemegang(-pemegang) Kad secara bertulis sama ada permohonan BTnya telah diluluskan dan amaun BT yang dilulus ("Amaun BT Diluluskan"). Sebaliknya Amaun BT Diluluskan ditetapkan, jumlah amaun yang bersamaan dalam had kad kredit Pemegang(-pemegang) Kad akan ditandakan untuk tujuan tersebut dan baki had kredit tersedia akan dikurangkan selaras dengannya.
7. Semasa Tempoh Program, Pemegang(-pemegang) Kad perlu membuat pembayaran minima yang diperlukan dalam semua akaun kad kreditnya dan/atau akaun(-akaun) BT atau RM50.00, yang mana satu lebih tinggi. Jika Pemegang(-pemegang) Kad gagal membuat pembayaran pada atau sebelum tarikh pembayaran diperlukan, maka kadar faedah 6.99% setahun akan ditarik balik dan faedah sebanyak 1.50% sebulan akan dicajkan ke atas amaun tertunggak dalam akaun kad kreditnya dan/atau akaun BT dari tarikh selepas tarikh pembayaran diperlukan sehingga pembayaran sepenuhnya dilaksanakan. Kegagalan untuk membuat pembayaran minima ini akan menyebabkan yuran bayaran lewat sebanyak 1% dari amaun pembayaran balik atau RM10.00, yang mana satu lebih tinggi, yang akan dikenakan selepas itu.
8. HLB juga berhak untuk menarik balik kadar faedah 6.99% setahun bagi Program ini jika Pemegang(- pemegang) Kad melanggar terma dan syarat Program ini, juga terma dan syarat yang ditetapkan dan dikuatkuasakan dalam Perjanjian Pemegang Kad MasterCard dan/atau Visa HLB ("Perjanjian Pemegang Kad").
9. Tidak kecuali fasal 7 dan 8, jika pada bila-bila masa, akaun(-akaun) kad kredit Pemegang(-pemegang) Kad menjadi tertunggak, HLB berhak atas budi bicara mutlaknyanya mengenakan caj

kewangan pada kadar biasa iaitu sebanyak 18% setahun ke atas baki tertunggak atau sebahagian daripadanya, walaupun ia masih dalam terma Program ini.

10. Sementara menunggu kelulusan permohonan Pemegang(-pemegang) Kad di bawah Program ini, Pemegang(-pemegang) Kad masih bertanggungjawab untuk membuat bayaran kepada akaun(- akaun) kad kredit/cak lain yang dikeluarkan oleh institusi kewangan dan/atau syarikat berkenaan sejajar dengan terma yang mengawalinya. HLB tidak akan bertanggungjawab untuk faedah ke atas pembayaran tunggakan atau mana-mana caj kewangan atau caj-caj lain yang terlibat akibat kegagalan atau kelewatan Pemegang(-pemegang) Kad dan/atau HLB dalam membuat pembayaran kepada akaun(- akaun) kad kredit/caj yang dikeluarkan oleh institusi kewangan dan/atau syarikat berkenaan.
11. Sebarang urusan pindahan baki lain yang dibuat selepasnya adalah tertakluk kepada terma dan syarat HLB yang diguna pakai dan kadar pindahan baki biasa.
12. Terma and syarat ini adalah tambahan kepada Perjanjian Pemegang Kad, yang mengawal peruntukan kemudahan kad kredit HLB.
13. HLB berhak untuk menambah, menolak atau mengubah terma dan syarat yang terkandung di sini, secara keseluruhan atau sebahagiannya dengan memberi notis kepada Pemegang(-pemegang) Kad secara paparan di laman web, atau dalam apa cara yang dianggap sesuai oleh HLB pada budi bicara mutlaknyanya.
14. Pemegang(-pemegang) Kad tidak akan mendapat mata ganjaran bagi Program Pindah Baki.
15. Terma dan syarat ini adalah terikat di bawah kawalan dan dibuat sejajar dengan perundangan Malaysia.
16. Sebagai tambahan kepada terma yang dinyatakan di atas, Pemegang Kad bersetuju bahawa terma dan syarat am di dalam Perjanjian Pemegang Kad akan dibaca bersama terma dan syarat ini sebagai perjanjian keseluruhan. Sebarang percanggahan di antara terma dan syarat ini dengan terma dan syarat yang terkandung di dalam Perjanjian Pemegang Kad, terma khusus di atas akan berkuatkuasa.